





PERANGKAAN GETAH BULANAN, APRIL 2025

PENGELUARAN GETAH ASLI

-37.3%



HARGA PURATA (sen/kg)



G.M.M 20
APRIL 2025: 769.55
MAC 2025: 889.32

-13.5%




Lateks Pekat
APRIL 2025: 647.20
MAC 2025: 696.05

-7.0%

PENGUNAAN DOMESTIK

-10.8%


APRIL 2025: 19,379^P tan metrik
MAC 2025: 21,733 tan metrik



STOK


-6.7%

APRIL 2025: 203,728^P tan metrik
MAC 2025: 218,253 tan metrik



IMPORT


APRIL 2025: 66,978^P tan metrik
MAC 2025: 91,676 tan metrik



NEGARA UTAMA


EKSPORT

APRIL 2025: 35,901^P tan metrik
MAC 2025: 52,531 tan metrik



Nota : perubahan bulan ke bulan : P = Data awalan : G.M.M. = Getah Mutu Malaysia

PERANGKAAN UTAMA GETAH, MALAYSIA ('000 TAN METRIK)



Sumber: Perangkaan Getah Bulanan April 2025, Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM)



Pengeluaran getah asli Malaysia menurun 37.3 peratus pada April 2025

- Pengeluaran getah asli menurun 37.3 peratus pada bulan April 2025 (18,008 tan metrik) berbanding pada bulan Mac 2025 (28,739 tan metrik). Perbandingan tahun ke tahun menunjukkan pengeluaran getah asli menurun 15.6 peratus (April 2024: 21,325 tan metrik). Pengeluaran getah asli Malaysia pada April 2025 disumbangkan terutamanya oleh sektor pekebun kecil (86.0%) berbanding sektor estet (14.0%).
- Jumlah stok getah asli pada April 2025 menurun 6.7 peratus kepada 203,728 tan metrik berbanding 218,253 tan metrik pada Mac 2025. Kilang pemproses getah menyumbang stok akhir sebanyak 87.6 peratus diikuti kilang pengguna getah (12.3%) dan estet getah (0.1%).
- Eksport getah asli Malaysia berjumlah 35,901 tan metrik pada April 2025, menurun 31.7 peratus berbanding Mac 2025 (52,531 tan metrik). China terus kekal sebagai destinasi utama untuk eksport getah asli iaitu berjumlah 33.3 peratus daripada jumlah keseluruhan eksport pada April 2025 diikuti Emiriah Arab Bersatu (14.9%), Jerman (14.2%), India (6.5%) dan Amerika Syarikat (5.1%).
- Harga purata bulanan menunjukkan Lateks Pekat merekodkan penurunan iaitu 7.0 peratus (April 2025: 647.20 sen sekilogram; Mac 2025: 696.05 sen sekilogram) manakala Sekerap menurun sebanyak 15.8 peratus (April 2025: 641.27 sen sekilogram; Mac 2025: 761.92 sen sekilogram).

